



KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
09 Zulkaedah 1441 / 01 Julai 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Rabu, 09 Zulkaedah 1441H bersamaan 01 Julai 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, terdapat **413** orang yang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **2,718** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **294 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **29,841 ujian**.

4. Seterusnya, mengambilkira situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang pada masa ini adalah dalam keadaan yang terkawal, maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai **tambahan** pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial seperti berikut:
 - a. Memulakan aktiviti-aktiviti baru ke tahap pertama (level 1) pada 06 Julai 2020 bagi:
 - i. Kolam Renang
 - ii. Panggung wayang
 - iii. Perkumpulan ramai (*mass gathering*)

 - b. Menaikkan aktiviti-aktiviti berikut dari tahap pertama (level 1) ke tahap ke dua (level 2) bermula pada 06 Julai 2020:
 - i. Kelas berkeperluan khas
 - ii. Pusat Penjagaan Kanak-Kanak

- iii. Muzium, Galeri dan Perpustakaan
- iv. Kafe Internet

c. Menaikkan aktiviti-aktiviti berikut dari tahap kedua (level 2) ke tahap ketiga (level 3) bermula pada 04 Julai 2020:

- i. Sekolah
- ii. Institusi Teknikal, Vokasional dan Pendidikan Tinggi
- iii. Sekolah Tusyen dan Sekolah Muzik

d. Manakala, aktiviti-aktiviti berikut akan dinaikkan dari tahap kedua (level 2) ke tahap ketiga (level 3) bermula pada 06 Julai 2020:

- i. Masjid, Surau dan Balai-Balai Ibadat
- ii. Tempat-tempat ibadat lain selain masjid dan surau
- iii. Sekolah Memandu
- iv. *Gym, fitness centre*
- v. *Fasiliti Sukan (indoor & outdoor)*
- vi. Padang Golf
- vii. Restoran, Kafe dan *Food Court*
- viii. Gerai dan Pasar

- e. Sementara itu, *Arked* dan *Indoor Playground* belum lagi dibenarkan untuk dibuka sehingga satu tarikh yang akan diumumkan kemudian.

Keterangan lanjut mengenai pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial di setiap premis tersebut akan masing-masing dijelaskan oleh Kementerian yang berkenaan.

- 5. Sementara itu, berikut ialah syarat-syarat pengurangan langkah-langkah sosial bagi:

- a. *Perkumpulan ramai (Mass Gathering)*

Perkumpulan ramai adalah dibenarkan tetapi terhad kepada keramaian tidak melebihi 50 orang sahaja. Orang ramai boleh merujuk kepada syarat-syarat terperinci di dalam Garispanduan bagi *Perkumpulan Ramai Tahap 1* yang akan dimuat naik ke laman sesawang Kementerian Kesihatan.

- b. *Tempat-tempat ibadat lain selain masjid dan surau*

Tempat-tempat ibadat lain selain masjid dan surau dibenarkan beroperasi pada kadar 80% daripada kadar kapasiti biasa pada satu-satu masa dengan masih

mengamalkan penjarakan fizikal. Syarat-syarat lain adalah dikekalkan sebagaimana arahan dan garis panduan yang telah dikeluarkan.

c. Sekolah memandu

Bagi sekolah memandu, kelas-kelas boleh diadakan pada kadar 90% dari kapasiti biasa pada satu-satu masa. Syarat-syarat lain adalah dikekalkan sebagaimana arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

d. Kafe Internet

Bagi kafe internet adalah dibenarkan untuk beroperasi pada kadar 60% dari kadar kapasiti biasa pada satu-satu masa mengikut arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

6. Kementerian Kesihatan juga ingin mengingatkan bahawa orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang berkaitan dengan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial tersebut. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar akan mana-mana arahan yang telah dikeluarkan

maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggaj 204) yang mana jika didapati bersalah boleh dikenakan denda kompaun sehingga \$5,000 atau boleh didakwa ke mahkamah yang membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan.

7. Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global serta melaksanakan penilaian risiko secara berterusan bagi mempertimbangkan pengurangan langkah-langkah seterusnya. Jika situasi wabak kembali membimbangkan, Kementerian Kesihatan tidak akan teragak-agak untuk memperketatkan semula langkah-langkah penjarakan sosial yang perlu dilaksanakan untuk mengawal wabak tersebut. Kementerian Kesihatan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi ini, jika perlu dari masa ke masa.

Sekian. Terima kasih.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 09 Zulkaedah 1441H / 01 Julai 2020